

Perangsang Selangor rangkul anugerah AREA 2018

7 Jun 2018



KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor) dipilih sebagai penerima Anugerah Perniagaan Bertanggungjawab Asia (AREA) 2018 di bawah kategori promosi kesihatan, baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah berkenaan yang berlangsung di Manila, Filipina, dianjurkan Enterprise Asia, persatuan bukan kerajaan untuk keusahawanan.

Perangsang Selangor dipilih daripada 51 program sosial korporat daripada 200 penyertaan yang dikemukakan pemimpin di 14 negara di seluruh Asia.

"Perangsang Selangor gembira diiktiraf oleh AREA tahun ini. Anugerah ini merupakan pencapaian kelima di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami, dua untuk memperkasakan sosial dan penglibatan dan tiga untuk program 'Sukan untuk Semua'," kata Ketua Pegawai Operasi Perangsang Selangor Suzila Khairuddin.



"Misi 'Sukan untuk Semua' adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan dalam kalangan golongan kurang bernasib baik, kurang upaya dan luar bandar di Selangor dengan menyediakan pengetahuan dan peluang untuk terlibat dalam sukan, serta menghasilkan potensi juara."

"Tahun lepas, lebih 10,000 peserta terlibat dalam program itu dengan 90 acara yang dilaksanakan di seluruh negeri," kata Suzila.

AREA 2018 telah dianugerahkan untuk mengiktiraf perniagaan Asia di atas usaha amalan perniagaan yang mampan, menunjukkan kepimpinan syarikat, menggabungkan nilai etika, pematuhan, pelaburan dalam pihak berkepentingan, penglibatan dalam masyarakat serta perlindungan alam sekitar.

<http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1470371>